

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Survei Tenaga Buruh bagi mendapatkan anggaran tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran. Survei ini ialah kajian berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan antarabangsa iaitu *International Labour Organization* (ILO).

2. Survei Tenaga Buruh bukanlah kajian khusus bagi siswazah yang dapat memberikan profil siswazah secara komprehensif, terutamanya berkaitan pengangguran. Maklumat siswazah daripada survei ini hanya merupakan salah satu ciri isi rumah yang dikenal pasti melalui soalan berkaitan sijil tertinggi diperolehi yang bertaraf diploma dan ke atas sama ada dari universiti tempatan atau luar negara.

3. Berdasarkan maklumat tersebut, kadar pengangguran pada separuh tahun pertama 2017 di Malaysia adalah 3.4%. Statistik kadar pengangguran siswazah dan bukan siswazah pada 2015, 2016 dan separuh tahun pertama 2017 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar pengangguran siswazah dan bukan siswazah, Malaysia, 2015, 2016 dan separuh tahun pertama 2017 (H1/2017) (%)

Tahun / Perkara	Kadar pengangguran		
	Jumlah	Siswazah	Bukan Siswazah
2015	3.1	3.5	3.0
2016	3.4	4.1	3.3
H1/2017	3.4	4.0	3.3

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang Di Pertua,

4. Di samping itu, Kementerian ini sedang menjalankan Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 dan sebarang syor Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan diputuskan oleh Kerajaan dengan teliti. Secara amalnya Kajian Semula Perintah Gaji Minimum akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

5. Dalam menetapkan kadar gaji minimum sedia ada, MPGN telah pun mengambil kira aspek perubahan kos sara hidup iaitu Indeks Harga Pengguna [(*Consumer Price Index* (CPI))] sebagai indikator utama dalam membuat pertimbangan. Selain itu, indikator-indikator lain juga turut diambil kira seperti kadar pertumbuhan produktiviti, gaji

181

penengah (keupayaan majikan untuk membayar gaji buruh), kadar pengangguran sebenar, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya.

6. Di samping itu, pandangan pelbagai pihak melalui pendekatan berhemah "*balanced approach*" juga diberi penelitian oleh MPGN sebelum sebarang syor dikemukakan kepada Kerajaan untuk keputusan.